

Analisis Penggunaan Maklum Balas Pembedulan Bertulis Bahasa Arab Secara Elektronik dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Universiti di Malaysia

Usage Analysis of Written Electronic Corrective Feedback Among Arabic Lecturers and Students of A Malaysian University

Mohd Azrul Azlen Abd Hamid¹ & Muhammad Sabri Sahrir²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
11 JUN 2020	24 OGOS 2020	16 OKT 2020

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji pilihan dan justifikasi pensyarah dan pelajar ketika memberikan dan menerima maklum balas pembedulan bertulis melalui aplikasi Google Doc dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dua soal selidik telah diadaptasi dan diedarkan kepada 93 orang pelajar yang mengambil kursus Penulisan Akademik dalam bahasa Arab. Empat orang pensyarah yang mengajar kursus tersebut juga turut menjawab soal selidik yang diberikan. Temu bual semi-struktur dijalankan ke atas dua orang pensyarah dan lima orang pelajar bagi mengenalpasti justifikasi di sebalik pemilihan jenis maklum balas. Analisis deskriptif bagi data kuantitatif pula dibuat menggunakan perisian SPSS manakala analisis tematik menggunakan Atlas.ti digunakan untuk menganalisis temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah memilih maklum balas pembedulan bertulis secara tidak langsung dengan komen metalinguistik manakala pelajar pula memilih maklum balas pembedulan bertulis secara langsung dengan komen metalinguistik. Antara penjelasan yang diberikan oleh pensyarah adalah maklum balas yang dipilih kerana dapat membentuk kemahiran kognitif pelajar dan bebanan kerja yang banyak manakala pelajar pula berpandangan mereka tiada keyakinan diri untuk memperbetulkan kesalahan sendiri dan kekangan masa untuk mencari jawapan yang dilakukan dalam penulisan. Pendekatan pedagogi juga dicadangkan bagi membantu pelajar dan pensyarah bahasa Arab menggunakan Google Doc dalam menerima dan memberi maklum balas pembedulan bertulis.

Kata kunci: *Maklum balas pembedulan; penulisan kolaboratif; pengajaran bahasa Arab; kemahiran penulisan; e-pembelajaran.*

ABSTRACT

This study aims to examine the preferences and justification of teachers and students when giving and receiving written corrective feedback through Google Doc in Arabic language teaching and learning at a higher learning institution in Malaysia. Two questionnaires were adapted and distributed to 93 students in an Arabic Academic Writing course. Four lecturers who teach the course also answered the survey. A semi-structured interview was also conducted on two lecturers and five students to identify their justifications of feedback. Descriptive analysis on the quantitative data was performed using SPSS while thematic

¹ Mohd Azrul Azlen Abd Hamid, PhD, Kulliyah of Languages and Management, IIUM, azrul_qlid@iium.edu.my

² Muhammad Sabri Sahrir, PhD, Kulliyah of Education, IIUM, muhdsabir@iium.edu.my

analysis via Atlas.ti was employed to analyse the interviews. The findings showed that teachers chose indirect written corrective feedback with metalinguistic comments while students preferred direct written corrective feedback with metalinguistic comments. The development of metacognitive skill and heavy workload were among the reasons of lecturers' preferences for feedback. Lack of confidence to self-correct mistakes and time constraint to find answers were the basis given by the students. Pedagogical suggestions are provided to help Arabic students and lecturers to use Google Doc in receiving and giving written corrective feedback.

Keywords: *corrective feedback; collaborative writing; Arabic language teaching; writing skills; e-learning.*

Pendahuluan

Maklum balas pembetulan bertulis merujuk kepada reaksi guru terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar melalui penerangan berkaitan kesalahan tersebut agar dapat diperbetulkan dan tidak diulang dalam penulisan seterusnya. Kebanyakan guru dan pelajar bersetuju bahawa penghasilan kerja penulisan yang baik memerlukan maklum balas pembetulan terutamanya penulisan yang menggunakan bahasa asing. Secara umumnya, maklum balas pembetulan adalah salah satu kaedah yang penting untuk meningkatkan hasil pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Walaupun maklum balas pembetulan telah digunakan secara meluas di dalam kelas secara bersemuka, penggunaan teknologi secara atas talian sebagai medium penyampaian maklum balas pembetulan masih lagi baharu terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Idea penggunaan teknologi secara atas talian dalam penyampaian maklum balas pembetulan adalah sebagai satu inisiatif yang efisien untuk menarik perhatian pelajar tentang kesalahan-kesalahan mereka di dalam penulisan dan peranan maklum balas bagi mengatasi kelemahan tersebut.

Secara umumnya, maklum balas pembetulan bertulis memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kesedaran metalinguistik pelajar melalui tarikan perhatian mereka terhadap maklumat yang telah dihadkan (Sato & Loewen, 2018; Bitchener & Ferris, 2012). Menurut Heift & Hegelheimer (2017) dan Abuseileek & Abualsha'r (2014), pelajar-pelajar yang menerima maklum balas pembetulan melalui penggunaan komputer ketika menulis memperolehi keputusan yang baik berbanding mereka yang tidak menerimanya, selain menarik perhatian mereka untuk belajar daripada setiap kesalahan yang dilakukan. Walaupun begitu, Stephen, Catia, Bart, Helmer & Roeland (2017) mendapati tidak semua jenis maklum balas pembetulan yang menggunakan komputer memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan penulisan pelajar. Justeru, pedagogi penggunaan teknologi dalam penyampaian maklum balas pembetulan antara isu yang perlu diberikan perhatian oleh para pendidik dan perekabentuk pengajaran bagi membina interaksi komunikatif pelajar yang bermakna (Heift & Hegelheimer, 2017)

Penggunaan teknologi semata-mata tidak menjamin setiap hasil pembelajaran yang dirancang akan tercapai, sebaliknya perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan pelajar memperolehi manfaat daripada maklum balas yang diberikan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengkaji teknik penyampaian maklum balas pembetulan melalui komputer yang boleh membantu untuk meningkatkan kemahiran dan pencapaian penulisan pelajar. Walaupun kebanyakan kajian mengkaji tentang keberkesanan maklum balas pembetulan berbantuan computer (Natsuko, 2016; Dara Tafazoli, Heidar Nosratzadeh & Nouriehossadat Hosseini,

2014), namun tidak banyak kajian yang memfokuskan peranan pembelajaran secara atas talian sebagai platform penyampaian maklum balas pembedahan bertulis dalam bahasa asing.

Maklum Balas Pembedahan Bertulis Dan Pembelajaran Bahasa Asing

Terdapat perbincangan yang panjang berkaitan keperluan menggunakan maklum balas pembedahan dalam aspek penulisan pembelajaran bahasa asing. Banyak kajian yang telah menunjukkan kesan positif penggunaan maklum balas pembedahan dalam pembelajaran bahasa asing (Eun Young Kang, 2015; Van Beuningen, et al., 2012). Antaranya adalah kajian yang mendapati bahawa maklum balas pembedahan bertulis adalah saling berkait dengan motivasi pelajar selain mereka menjadi lebih berdaya untuk memperbetulkan kesalahan yang dilakukan dalam penulisan (Laurel & Mostafa, 2017; Elham Daneshvar & Ali Rahimi, 2014). Selain itu, maklum balas pembedahan juga direkodkan memberikan kesan positif terhadap penulisan pelajar bahasa kedua (Oksana Afitska, 2015; Pei Leng, 2014) terutamanya dari segi ketepatan, kandungan dan bentuk penulisan (Lee & Lyster, 2017; Biber, Nekrasova dan Horn, 2011). Oleh itu, penggunaan maklum balas pembedahan bertulis secara teorinya adalah penting kepada pelajar bahasa kedua dan bahasa asing bagi menjadikan mereka mahir dalam bahasa yang dipelajari.

Berdasarkan kajian-kajian di atas, terdapat beberapa sebab yang membawa kepada perbezaan dapatan kajian berkenaan keberkesanan penggunaan maklum balas pembedahan bertulis. Antaranya pelajar tidak memahami dengan baik maklum balas yang diberikan oleh guru kepada mereka, kecenderungan pelajar untuk memberikan perhatian hanya kepada jenis maklum balas yang mereka gemari (Chen, Nassaji & Liu, 2016; Pei Leng, 2014), selain kemahiran pelajar dan skop maklum balas yang diberikan (Kang & Han, 2015).

Pertembungan dapatan kajian-kajian ini telah membawa kepada beberapa kajian lain yang ingin mencari kepastian dengan lebih mendalam berkaitan peranan maklum balas pembedahan bertulis dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Amrhein & Nassaji (2010) dan Ellis (2017) yang mendapati bahawa para pelajar lebih menggemari maklum balas secara langsung manakala para guru pula memilih maklum balas secara tidak langsung. Antara sebab para pelajar memilih maklum balas secara langsung adalah kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang prinsip pembedahan kesalahan yang digunakan oleh guru (Karim & Nassaji, 2020; Norouzian & Farahani, 2012).

Jenis-Jenis Maklum Balas Pembedahan Bertulis

Mengenalpasti pilihan untuk membuat pembedahan kesalahan penulisan pelajar melalui satu cara yang sistematik adalah penting bagi menentukan keberkesanan dan jenis maklum balas pembedahan yang paling efektif. Walaupun begitu, terdapat banyak pandangan berkenaan pembahagian jenis maklum balas. Antaranya adalah pembahagian yang dibuat oleh Sheen dan Ellis (2011) di mana mereka telah menyenaraikan maklum balas seperti berikut:

1-Maklum balas pembedahan secara langsung dan tidak langsung (Direct and indirect corrective feedback).

Pembedahan secara langsung menunjukkan kesalahan kepada penulis dan memberikan versi jawapan yang betul bagi kesalahan tersebut (Natsuko, 2016; Bitchener, 2012; Mohebbi, 2013). Ia adalah bentuk yang ringkas dan dapat mengelakkan kekeliruan dan perdebatan. Justeru, ia sesuai digunakan untuk pelajar yang mempunyai aras penguasaan bahasa yang rendah dan

tinggi. Pelajar yang mempunyai aras penguasaan bahasa yang rendah akan dapat melihat perbezaan dan penjelasan daripada pembetulan tersebut, manakala pelajar yang mempunyai aras penguasaan bahasa yang tinggi pula memperoleh manfaat melalui kesalahan kecil yang kadangkala terlepas pandang.

Maklum balas secara tidak langsung pula menunjukkan kedudukan kesalahan tanpa memperbetulkannya, tetapi menjadi tugas pelajar untuk memahami dan membuat pembetulan dengan sendiri (Frear & Chiu, 2015; Bitchener, 2012; Mohebbi, 2013). Sebagai contohnya, guru membuat garisan atau membulatkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Tujuannya adalah untuk menunjukkan kedudukan kesalahan bagi membantu pelajar membuat pembetulan sendiri. Ini adalah penting untuk perkembangan aras kemampuan penulisan pelajar (Ebadi, 2014; Mansourizadeh & Abdullah, 2014). Kaedah ini menggalakkan pelajar untuk turut serta dalam penyelesaian masalah dan pembelajaran terbimbing (*guided learning*) serta mencuba untuk menyunting tulisan mereka secara individu (Almasi & Tabrizi, 2016; Bitchener, 2012).

2-Maklum balas pembetulan metalinguistik (*Metalinguistic corrective feedback*).

Melalui maklum balas jenis ini, guru akan memberikan klu secara metalinguistik mengenai sifat kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dengan menggunakan kod tertentu seperti ‘salah kata kerja’ dan ‘salah perkataan’. Walaupun begitu, maklum balas jenis ini boleh juga digabungkan dengan maklum balas secara langsung atau tidak langsung (Black & Nanni, 2016).

3-Maklum balas berfokus dan tidak berfokus (*Focused ad unfocused corrective feedback*).

Maklum balas berfokus memperbetulkan kesalahan berdasarkan kategori kesalahan yang ditentukan lebih awal. Manakala selain kesalahan tersebut, ia tidak akan diperbetulkan (Taheri & Heidar, 2019; Mohebbi, 2013). Sebagai contohnya, sekiranya guru telah memilih untuk memperbetulkan tatabahasa, hanya kesalahan tatabahasa sahaja yang akan ditanda. Selain tatabahasa, kesalahan lain seperti ejaan dan sintaks akan dibiarkan tidak bertanda. Maklum balas ini akan menarik perhatian pelajar untuk fokus hanya kepada beberapa kategori sahaja pada satu masa.

Jika kesalahan berfokus memperbetulkan kesalahan berdasarkan jenis kesalahan yang ditentukan lebih awal, kesalahan tidak berfokus pula memperbetulkan kesemua kesalahan atau kebanyakannya tanpa menentukan terlebih dahulu kategori kesalahan (VanBeuningen, 2010). Walaupun begitu, pelajar berkemungkinan tidak dapat memproses maklum balas yang diberikan memandangkan keupayaan memori jangka pendek yang terhad (Taheri & Heidar, 2019; Mohebbi, 2013).

Maklum Balas Pembetulan Berbantuan Teknologi

Banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan penggunaan maklum balas pembetulan berbantuan teknologi. Kebanyakan dapatan kajian ini memberikan isyarat positif tentang keberkesanan penggunaan teknologi secara atas talian untuk penyampaian maklum balas pembetulan. Antaranya adalah ia mampu membantu pembangunan kemahiran penulisan pelajar meningkatkan kemahiran komunikasi melalui penulisan dan mengurangkan tekanan psikologi pelajar-pelajar yang tidak suka untuk memberikan maklum balas secara bersemuka (Vinagre & Munoz, 2011). Selain itu juga, terdapat kecenderungan para pengkaji yang membuat perbandingan antara maklum balas pembetulan berbantuan teknologi dan maklum balas pembetulan secara tradisional. Antara dapatan kajian-kajian ini adalah maklum balas pembetulan yang disampaikan melalui penggunaan teknologi lebih berkesan dalam membantu

pelajar mengenali kesalahan-kesalahan di dalam penulisan dan menggalakkan tabiat membuat semakan semula terhadap penulisan serta meningkatkan kemahiran penulisan secara kolaboratif (Fuente, 2016; Hosseini, 2012).

Penggunaan Google Doc juga dilihat berpotensi sebagai platform untuk menyampaikan maklum balas pembetulan bertulis secara kolaboratif. Pelbagai jenis maklum balas yang digabungkan dengan fungsi-fungsi yang terdapat dalam aplikasi seperti '*chat*' dan '*word editing*' dapat membantu perkembangan penulisan pelajar secara sistematik (AbuSeileek & Al-Olimat, 2015; Diez-Bedmar & Perez-Paredes, 2012). Walaupun begitu, jenis maklum balas yang digunakan dan dipilih oleh guru dan pelajar melalui Google Doc serta kesan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing memerlukan kajian secara lebih mendalam. Terdapat kajian yang telah dijalankan oleh Hosseini (2012) melalui eksperimen terhadap penggunaan maklumbalas bertulis menggunakan anotator secara atas talian (*online annotator*) dalam kalangan pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Tujuan eksperimen ini dijalankan adalah untuk mencari jawapan tentang keberkesanan antara maklum balas pembetulan berbantuan teknologi dan maklum balas yang diberikan di atas kertas. Hasil eksperimen ini mendapati kumpulan yang menggunakan sistem secara atas talian dapat mengenalpasti lebih banyak kesalahan penulisan berbanding kumpulan yang tidak menggunakan sistem ini. AbuSeileek dan Abualsha'r (2014) pula telah menjalankan satu kajian yang memberikan perhatian kepada penggunaan maklum balas bertulis berbantuan komputer terhadap pelajar melalui fungsi-fungsi yang terdapat dalam *Microsoft Word 2010*. Kajian ini mengkaji kesan penggunaan maklum balas pembetulan berbantuan komputer terhadap pencapaian penulisan pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan maklum balas pembetulan berbantuan komputer memberikan kesan positif terhadap pencapaian pelajar dalam ujian penulisan yang telah dijalankan.

Kajian-kajian yang dinyatakan di atas kesemuanya mengkaji kesan maklum balas pembetulan berbantuan teknologi ke atas penulisan dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, manakala sangat sedikit kajian ke atas bahasa Arab sebagai bahasa asing yang dijalankan untuk mengkaji secara khusus tentang maklum balas pembetulan bertulis. Antaranya adalah kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Azrul Azlen, Nuraihan dan Norshidrah (2014) untuk mengkaji sejauh mana maklum balas rakan sebaya melalui LMS dapat digunakan bagi menyokong pendekatan pedagogi yang digunakan oleh pengajar. Mereka mendapati terdapat peningkatan pada kualiti penulisan pelajar di samping terdapat korelasi antara bilangan perkataan yang digunakan ketika memberikan maklum balas dan kualiti penulisan yang dihasilkan. Namun kajian ini hanya mengkaji maklum balas secara umum yang diberikan oleh rakan sebaya sahaja tanpa melihat kepentingan maklum balas pembetulan guru dalam kualiti penulisan pelajar.

Walaupun kebanyakan kajian di atas telah menyatakan kepentingan maklum balas pembetulan sama ada secara tradisional atau berbantuan teknologi secara atas talian dalam pembentukan kemahiran penulisan pelajar ketika mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing, namun sangat sedikit kajian yang telah dijalankan untuk mengenalpasti jenis maklum balas pembetulan secara atas talian yang menjadi pilihan guru dan pelajar serta justifikasi mereka terhadap pemilihan tersebut ketika mengajar dan mempelajari bahasa asing seperti bahasa Arab. Pengetahuan tentang pilihan dan justifikasi mereka adalah penting untuk merancang cara yang terbaik untuk mengatasi kelemahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti jenis maklum balas pembedaan bertulis secara elektronik yang menjadi pilihan pensyarah dalam pengajaran bahasa Arab menggunakan Google Doc.
2. Mengetahui justifikasi pemilihan maklum balas pembedaan bertulis secara elektronik yang menjadi pilihan pensyarah dalam pengajaran bahasa Arab menggunakan Google Doc.
3. Mengenalpasti jenis maklum balas pembedaan bertulis secara elektronik yang dipilih oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab menggunakan Google Doc.
4. Mengetahui justifikasi pelajar dalam pemilihan maklum balas pembedaan bertulis secara elektronik menggunakan Google Doc.

Metodologi

Metodologi kajian ini meliputi aspek-aspek seperti berikut:

1. Peserta Kajian

Borang soal selidik telah diedarkan kepada semua pensyarah yang mengajar subjek bahasa Arab melalui pendekatan *blended learning* (secara bersemuka dan atas talian) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ia juga turut diedarkan kepada para pelajar yang mengambil pengkhususan bahasa Arab bagi mengetahui pandangan mereka berkaitan penggunaan maklum balas pembedaan bertulis yang digunakan secara atas talian.

Semasa soal selidik diedarkan, terdapat 93 orang pelajar tahun pertama yang telah berdaftar dan empat (4) orang pensyarah telah ditugaskan untuk mengajar pelajar-pelajar tersebut. Kesemua pensyarah telah mengisi borang soal selidik tersebut dengan kadar respon sebanyak 100%. Manakala respon pelajar pula adalah sebanyak 94.6% di mana 88 dari 93 orang pelajar telah melengkapkan borang soal selidik tersebut. Kesemua pelajar berumur antara 21 – 24 tahun di mana 70% adalah perempuan dan 30% adalah lelaki. Daripada keseluruhan pensyarah yang mengajar pelajar jurusan bahasa Arab, 50% adalah penutur asli bahasa Arab dan 50% adalah bukan penutur asli bahasa Arab.

Bagi mendapatkan maklumat daripada pensyarah dan pelajar berkaitan justifikasi pemilihan jenis maklum balas pembedaan bertulis yang digemari, dua orang pensyarah dan lima orang pelajar telah dipilih. Pensyarah-pensyarah yang dimaksudkan adalah mereka yang mengajar pelajar-pelajar yang mengambil subjek Penulisan Akademik dalam bahasa Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Daripada lima orang pelajar yang dipilih, tiga orang adalah pelajar perempuan manakala yang selebihnya adalah pelajar lelaki. Kesemua mereka adalah pelajar tahun pertama yang mengambil bidang bahasa Arab.

2. Rekabentuk Kajian

Dua jenis borang soal selidik telah dibangunkan untuk menjawab soalan kajian 1 dan 3. Satu dikhususkan untuk pengajar manakala satu lagi adalah untuk pelajar. Item-item yang terdapat di dalam borang soal selidik adalah sama bagi setiap kumpulan sasaran. Cuma perbezaannya

adalah perspektif penyampaian soalan adalah berbeza mengikut jenis kumpulan sasaran. Skala Likert telah digunakan untuk mengumpulkan data kuantitatif. Borang soal selidik ini telah diadaptasi daripada kajian Amrhein dan Nassaji (2010) dan Sayyar dan Zamanian (2015) dengan penambahan beberapa soalan untuk menjawab soalan kajian ini. Sebelum diedarkan kepada responden kajian, borang soal selidik ini telah diedarkan kepada tiga orang pakar dalam bidang bahasa Arab dan rekabentuk pengajaran untuk mengesahkan item-item yang terdapat di dalamnya. Setelah membuat pembetulan berdasarkan maklum balas daripada pakar, kajian rintis telah dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 25 orang pelajar yang mengambil bidang bahasa Arab (tidak termasuk responden kajian) untuk mendapatkan Pekali Kebolehpercayaan Alfa Cronbach sebelum diedarkan kepada responden kajian. Keputusan analisis menunjukkan bahawa bagi instrumen kajian ini, Pekali Kebolehpercayaan Alfa Cronbach adalah memuaskan dengan nilainya 0.79.

Bagi menjawab soalan kajian 2 dan 4, temu bual semi-struktur telah dijalankan kepada pensyarah dan pelajar yang menggunakan Google Doc dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Tujuan temu bual ini dijalankan adalah untuk mengetahui justifikasi mereka terhadap pemilihan jenis maklum balas pembetulan bertulis yang lebih digemari dan peranan Google Doc dalam menghubungkan komunikasi antara pensyarah dan pelajar. Pengetahuan tentang sebab pemilihan ini dapat membantu perekabentuk pengajaran untuk merancang pendekatan pedagogi yang bersesuaian dan berkesan dalam penyampaian maklum balas pembetulan bertulis.

3. Analisis Data

Jawapan bagi soalan kajian 1 dan 3 diperolehi melalui soalan-soalan skala Likert di mana responden dikehendaki untuk memberikan kadar kepada jenis maklum balas pembetulan yang mempunyai skala 1 hingga 5 bergantung kepada faedah penggunaannya. Bagi konteks ini '1' bermaksud maklum balas pembetulan paling kurang manfaatnya kepada pembentukan kemahiran penulisan pelajar, manakala '5' pula bermaksud responden menganggap maklum balas pembetulan adalah sangat bermanfaat untuk penulisan mereka. Analisis deskriptif bagi data kuantitatif dibuat menggunakan perisian SPSS. Skor min dan sisihan piawai dilihat bagi menentukan nilai bagi setiap item.

Rajah 1: Item Soal Selidik Yang Menunjukkan Jenis Maklum Balas Yang Berbeza

The following sentences all have the same error a different type of feedback was given for each. Circle the number that best describes the usefulness of the feedback for for each sentence.					
1= least useful 2=Slightly useful 3=Somewhat useful 4=Quite useful 5=Most useful					
Sentence	1	2	3	4	5
a-كتب محمد الدرس وراجعه في البيت (انظر إلى الوحدة الثالثة في كتابك)					
b-كتب محمد الدرس وراجعه في البيت					
c-كتب محمد الدرس وراجعه في البيت (راجعه - الخطأ في استخدام الفعل المناسب)					
d-كتب محمد الدرس وراجعه في البيت (راجعه)					
e-كتب محمد الدرس وراجعه في البيت (الخطأ في استخدام الفعل المناسب)					
f-كتب محمد الدرس وراجعه في البيت					
g-كتب محمد الدرس وراجعه في البيت (أين كتب محمد الدرس؟)					

Rajah 1 menunjukkan jenis maklum balas yang diberikan seperti berikut:

- i-Ayat a: Maklum balas secara tidak langsung dengan cadangan.
- ii-Ayat b: Maklum balas secara tidak langsung.
- iii-Ayat c: Maklum balas secara langsung dengan komen metalinguistik.
- iv-Ayat d: Maklum balas secara langsung.
- v-Ayat e: Maklum balas secara tidak langsung dengan komen metalinguistik.
- vi-Ayat f: Tiada maklum balas diberikan.
- vii-Ayat g: Hanya maklum balas mengenai kandungan.

Jawapan bagi soalan kajian 2 dan 4 pula diperolehi melalui analisis pengekodan data secara kualitatif melalui justifikasi yang diberikan oleh pensyarah dan para pelajar. Bagi peringkat pengekodan yang pertama, jawapan bebas dari para peserta kajian digunakan sebagai kod awal. Tujuannya adalah untuk membentuk kefahaman pengkaji terhadap justifikasi yang telah diberikan oleh peserta kajian. Bagi menentukan bentuk data yang diperolehi untuk menjawab soalan kajian 3, analisis secara tematik perisian Atlas.ti telah digunakan.

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dilaporkan berdasarkan objektif kajian seperti berikut:

1. Jenis Maklum Balas Pembetulan Bertulis Yang Menjadi Pilihan Pensyarah Dalam Pengajaran Bahasa Arab Menggunakan Google Doc.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah mengutamakan maklum balas pembetulan bertulis secara tidak langsung berbanding maklum balas pembetulan bertulis secara langsung. Jadual 1 menjelaskan bahawa pensyarah lebih cenderung memilih pembetulan bertulis secara tidak langsung dengan komen metalinguistik ketika memberikan maklum balas kepada pelajar.

Jadual 1: Skor Min Bagi Pilihan Jenis Maklum Balas Oleh Pensyarah

Soalan Soal Selidik	Soalan a	Soalan b	Soalan c	Soalan d	Soalan e	Soalan f	Soalan g
Jenis Maklum Balas	Tidak langsung + Cadangan	Tidak langsung	Langsung + Metalinguistik	Langsun g	Tidak Langsung + Metalinguisti k	Tiada	Hanya kandungan
Min Pilihan Pensyarah	3.25	3.00	3.25	2.00	4.25	1.00	3.75

2. Justifikasi Pemilihan Maklum Balas Pembetulan Bertulis Yang Menjadi Pilihan Pensyarah Dalam Pengajaran Bahasa Arab Menggunakan Google Doc.

Antara komen pensyarah yang ketara ketika memberikan justifikasi mereka dalam pemilihan jenis maklum balas bertulis adalah berkait rapat dengan metakognisi pelajar. Komen seperti “membantu pelajar berfikir dan memahami” dan “membantu pelajar berbincang tentang kesalahan bersama rakan-rakan” adalah salah satu pendekatan yang diambil oleh pensyarah bagi membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam bahasa Arab. Fokus utama pensyarah adalah pembelajaran yang berpusatkan pelajar kerana pernyataan “maklum

balas secara tidak langsung lebih berkesan” menjelaskan pengalaman pensyarah dalam memberikan maklum balas.

Bebanan kerja dan tugas juga adalah antara sebab para pensyarah memilih maklum balas secara tidak langsung berbanding secara langsung. Ini kerana pendekatan yang menggunakan maklum balas secara langsung menuntut masa yang banyak dan fokus yang tinggi kepada penulisan pelajar. Komen seperti “kekangan masa”, “sibuk dengan tugas pentadbiran” dan “bilangan pelajar yang ramai” adalah antara sebab maklum balas secara langsung tidak menjadi pilihan pensyarah.

Walaupun begitu, pemilihan jenis maklum balas ini juga bergantung kepada tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Antara komen pensyarah seperti “pemilihan cara memberikan maklum balas bergantung kepada penguasaan pelajar” dan “Tidak semua pelajar boleh memahami maklum balas secara tidak langsung” memberikan gambaran bahawa pemilihan jenis maklum balas adalah bergantung kepada tahap penguasaan pelajar. Ini juga menunjukkan tahap keyakinan pensyarah terhadap tahap penguasaan pelajar memberikan kesan kepada jenis maklum balas yang digunakan.

Justifikasi pensyarah terhadap pemilihan jenis maklum balas pembedaan bertulis adalah seperti di dalam Jadual 2:

Jadual 2: Justifikasi Pensyarah Terhadap Pemilihan Jenis Maklum Balas Pembedaan Bertulis

Justifikasi
1-Metakognisi
2-Pembelajaran berpusatkan pelajar
3-Maklum balas pembedaan bertulis secara langsung tidak membantu pelajar
4-Bebanan kerja yang banyak

3. Jenis Maklum Balas Pembedaan Bertulis Yang Dipilih Oleh Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Menggunakan Google Doc.

Jadual 3 menunjukkan pelajar memilih maklum balas pembedaan bertulis secara langsung yang digabungkan dengan komen metalinguistik. Dapatan kajian bagi soalan 3 (Jadual 3) menjelaskan bahawa pelajar merasakan maklum balas secara langsung dengan komen metalinguistik yang diberikan oleh pensyarah dapat membantu mereka untuk memperbaiki kemahiran menulis dalam bahasa Arab.

Jadual 3: Skor Min Bagi Pilihan Jenis Maklum Balas Oleh Pelajar

Soalan Soal Selidik	Soalan a	Soalan b	Soalan c	Soalan d	Soalan e	Soalan f	Soalan g
Jenis Maklum Balas	Tidak langsung + Cadangan	Tidak langsung	Langsung + Metalinguistik	Langsung	Tidak Langsung + Metalinguistik	Tiada	Hanya kandungan
Min Pilihan pelajar	1.27	2.09	4.83	4.10	1.55	1.02	1.92

5. Justifikasi Pelajar Dalam Pemilihan Maklum Balas Pembedulan Bertulis Menggunakan Google Doc.

Berdasarkan Jadual 3, pemilihan jenis maklum balas oleh pelajar adalah berbeza dengan jenis maklum balas yang diutamakan oleh pensyarah. Antara justifikasi pelajar apabila memilih maklum balas secara langsung dengan komen metalinguistik adalah “Saya boleh tahu semua kesilapan saya dalam penulisan”, “saya ingin tahu kesalahan dan jenis kesalahan saya”, “Kami perlukan bimbingan pensyarah untuk betulkan semua kesalahan”, “Saya memang lemah dalam penulisan bahasa Arab”, “Saya tidak tahu apa kesilapan saya ketika menulis”. Justifikasi ini menjelaskan bahawa pelajar masih mengutamakan pembelajaran berpusatkan pensyarah dalam pembelajaran penulisan bahasa Arab.

Justifikasi pelajar terhadap pemilihan jenis maklum balas pembedulan bertulis adalah seperti di dalam Jadual 4:

Jadual 4: Justifikasi Pelajar Terhadap Pemilihan Jenis Maklum Balas Pembedulan Bertulis

Justifikasi
1-Tiada keyakinan diri
2-Pembelajaran berpusatkan guru
3-Kekangan masa

6. Perbincangan Dapatan Kajian

Antara objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pilihan pensyarah dan pelajar dalam konteks pemberian dan penerimaan maklum balas pembedulan bertulis dalam bahasa Arab. Walaupun kajian ini dijalankan atas pelajar bukan penutur Arab yang mempelajari penulisan bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan ia selari dengan dapatan kajian yang dijalankan atas pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris. Kebanyakan kajian yang dijalankan sebelum ini mendapati bahawa pensyarah memberikan nilai yang tinggi kepada maklum balas secara tidak langsung yang disertakan maklum balas metalinguistik (Daphnée Simard, Danièle Guénette & Annie Bergeron, 2015; Eslami, 2014). Namun begitu, pelajar mempunyai persepsi yang berbeza terhadap maklum balas secara tidak langsung. Mereka merasakan bahawa maklum balas secara tidak langsung tidak membantu mereka untuk memperbaiki mutu penulisan dalam bahasa Arab.

Dapatan kajian mengesahkan bahawa persepsi dan justifikasi pensyarah dan pelajar terhadap maklum balas secara langsung dan maklum balas secara tidak langsung adalah berbeza. Pensyarah paling menggemari maklum balas secara tidak langsung dengan komen metalinguistik manakala pelajar pula paling menggemari maklum balas secara langsung dengan komen metalinguistik. Berdasarkan justifikasi pensyarah dan pelajar, adalah dipercayai bahawa mereka mempunyai sebab memilih jenis maklum balas yang berbeza.

1. Pilihan pelajar

Walaupun pelajar lebih suka maklum balas diberikan secara elektronik berbanding secara bersemuka (Chen, 2016), tahap kemampuan bahasa Arab mereka yang sederhana menyebabkan mereka tidak memilih maklum balas secara tidak langsung dengan komen

metalinguistik. Penggunaan teknologi sepatutnya meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar secara sendiri dan aktif (Helen, 2013), namun kemampuan bahasa Arab yang terbatas menyebabkan pelajar merasakan maklum balas pembedaan bertulis secara tidak langsung tidak membantu mereka dalam keadaan banyak tugas yang perlu disiapkan. Ini menyebabkan penilaian mereka terhadap ketepatan dan kepantasan maklum balas yang diberikan mengatasi perkara yang lain. Apa yang membimbangkan mereka adalah sekiranya tugas yang diberikan penuh dengan kesalahan. Akibatnya mereka mendapat gred yang rendah dalam tugas yang diberikan. Sebab itulah mereka mahukan maklum balas yang bersifat cepat dan pantas untuk segera mengingati kesalahan dan seterusnya memahami cara untuk memperbaiki penulisan. Kebanyakan pelajar menjelaskan bahawa klu jawapan yang diberikan tanpa memberikan versi jawapan yang betul tidak begitu membantu mereka.

Selain itu, maklum balas secara tidak langsung dengan komen metalinguistik juga menuntut pelajar agar memainkan peranan mereka dengan lebih aktif dan menggalakkan refleksi kepada kesilapan yang dilakukan (Hamel, Slavkov, Inkpen & Xiao, 2016). Ini menyebabkan bebanan tugas yang bertambah dan menuntut kemampuan bahasa Arab pelajar yang agak tinggi bagi membuat refleksi. Situasi ini menyebabkan pelajar memilih maklum balas secara langsung berbanding secara tidak langsung.

2. Pilihan pensyarah

Berbanding pelajar, pensyarah mempunyai persepsi yang berbeza tentang jenis maklum balas yang perlu diberikan. Kebanyakan pensyarah berpandangan bahawa maklum balas secara langsung dengan komen metalinguistik mengambil masa yang lama untuk dilakukan. Ini menunjukkan bahawa strategi pemilihan jenis maklum balas bertulis adalah bergantung kepada beban tugas pensyarah. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah menilai autonomi pelajar dan mengharapkan agar mereka memainkan peranan secara aktif bagi memperbaiki kesalahan dengan sendiri. Pensyarah juga berpandangan pembedaan bertulis secara tidak langsung membawa kepada pembedaan sendiri yang boleh memberikan manfaat serta membantu pelajar mengingati kesalahan yang dilakukan (Eun Sung Park, Sunhee Song & Yu Kyoung Shin, 2016; Amrhein & Nassaji, 2010). Begitu juga pendekatan secara metalinguistik yang menyumbang kepada perkembangan metakognisi dan pemerolehan bahasa dalam jangka masa panjang (Ebadi, 2014).

Oleh yang demikian, dalam keadaan pelajar menunjukkan pilihan yang tidak berbelah bagi kepada maklum balas pembedaan bertulis secara langsung dengan komen metalinguistik, pensyarah pula memilih jenis maklum balas secara tidak langsung yang menuntut pelajar untuk berusaha dengan lebih gigih di samping mempromosikan autonomi pelajar.

Di samping itu juga, kesemua pensyarah yang ditemu bual menyebut bahawa bentuk maklum balas yang terbaik adalah bergantung kepada situasi tertentu. Situasi yang dimaksudkan tidak hanya berpusatkan pelajar seperti motivasi dan tahap kemampuan bahasa Arab mereka, tetapi pemberian maklum balas juga bergantung kepada pandangan pensyarah tentang sejauh mana maklum balas yang diberikan berguna untuk pembelajaran bahasa. Ada juga yang memberikan maklum balas berdasarkan sangkaan mereka terhadap apa yang diinginkan pelajar walaupun ia tidak seperti yang dijangkakan. Walaupun pembedaan secara langsung tidak menjadi pilihan guru, namun mereka merasakan jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan perlu dinyatakan dengan jelas.

7. Kesimpulan

Kajian ini telah menjelaskan kepentingan maklum balas pembetulan bertulis dalam memperbaiki kualiti penulisan pelajar dalam bahasa Arab. Pengetahuan tentang perbezaan pilihan jenis maklum balas pembetulan bertulis dalam kalangan pensyarah dan pelajar juga memberikan idea untuk merangka pendekatan yang bersesuaian dalam pengajaran bahasa Arab untuk bukan penutur jatinya. Hasil kajian menunjukkan bahawa teknologi juga turut memainkan peranannya bagi memudahkan maklum balas disampaikan. Penggunaan Google Doc dilihat mampu untuk meningkatkan interaksi antara pensyarah dan pelajar dalam memperbaiki penulisan dalam bahasa Arab.

Penghargaan

Kami merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia atas pembiayaan kajian ini melalui geran RIGS 16-063-0227, 2016.

Rujukan

- Abu Seileek, Ali & Abualsha'r, A. (2014). Using Peer Computer-Mediated Corrective Feedback To Support Efl Learners ' Writing. *Language Learning & Technology*, 18(1), 76–95.
<https://pdfs.semanticscholar.org/4cbe/66be221033c5cbb67de409b6059335ed3780.pdf>
- AbuSeileek, Ali & Al-Olimat, S. I. (2015). Using computer-mediated corrective feedback modes in developing students' writing performance. *The Journal of Teaching English with Technology*, 15 (3), 3-30.
- Almasi, Elham & Tabrizi, A.R.N. (2016). The effects of direct vs indirect corrective feedback on Iranian EFL learners' writing accuracy. *Journal of Applied Linguistics and Language Research*, 3(1), 74-85.
- Amrhein, H. R., & Nassaji, H. (2010). Written corrective feedback : What do students and teachers prefer and why? *Canadian Journal of Applied Linguistics.*, 13(2), 95–127.
<https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ944129.pdf>
- Biber, D., Nekrasova, T., & Horn, B. (2011). The Effectiveness of Feedback for L1-English and L2- Writing Development: A Meta-analysis. TOEFL iBT TM Research Report.
- Bitchener, J. (2012). A reflection on ‘the language learning potential’ of written CF. *Journal of Second Language Writing*, 21, 348-363. <https://doi.org/10.1016/j.jslw.2012.09.006>
- Bitchener, J. & Ferris, D. (2012). *Written Corrective Feedback in Second Language Acquisition and Writing*. London: Routledge Taylor and Francis Group.
- Black, D. A., & Nanni, A. (2016). Written Corrective Feedback : Preferences and Justifications of Teachers and Students in a Thai Context. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(October), 99–114. <http://journalarticle.ukm.my/10164/1/12949-45005-1-PB.pdf>
- Chen, S., Nassaji, H. & Liu, Q (2016). EFL learners’ perceptions and preferences of written corrective feedback: a case study of university students from Mainland China. *Asian. J.*

Second. Foreign. Lang. Educ. 1, 5. <https://doi.org/10.1186/s40862-016-0010-y>

- Chen, T. (2016). Technology-supported peer feedback in ESL/EFL writing classes: A research synthesis. *Computer-Assisted Language Learning*, 29(2), 365-397. <https://doi.org/10.1080/09588221.2014.960942>
- Daphnée Simard, Danièle Guénette & Annie Bergeron (2015) L2 learners' interpretation and understanding of written corrective feedback: insights from their metalinguistic reflections, *Language Awareness*, 24:3, 233-254, DOI: [10.1080/09658416.2015.1076432](https://doi.org/10.1080/09658416.2015.1076432)
- Dara Tafazoli, Heidar Nosratzadeh & Nouriehossadat Hosseini (2014). Computer-mediated corrective feedback in ESP courses: Reducing grammatical errors via email. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 136, 355-359.
- Diez-Bedmar, M. B., & Perez-Paredes, P. (2012). The Types and Effects of Peer Native Speakers' Feedback on CMC. *Language Learning & Technology*, 16(1), 62–90. <http://www.lltjournal.org/item/2761>
- Ebadi, E. (2014). The effect of focused meta-linguistic written corrective feedback on Iranian EFL Learners' essay writing ability. *Journal of Language Teaching and Research*, 5(4), 878-883. <http://www.academypublication.com/issues/past/jltr/vol05/04/19.pdf>
- Elham Daneshvar & Ali Rahimi (2014). Written corrective feedback and teaching grammar. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 136, 217-221.
- Ellis, R. (2017). Oral corrective feedback in L2 classrooms: What we know so far. In *Corrective Feedback in Second Language Teaching and Learning*. New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Eslami, Elham (2014). The effects of direct and indirect corrective feedback techniques on EFL students' writing. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 98, 445-452.
- Eun Young Kang (2015). The efficacy of written corrective feedback in improving L2 written accuracy: A meta-analysis. *The Modern Language Journal*, 99 (1), 1-18.
- Eun Sung Park, Sunhee Song & Yu Kyoung Shin (2016). To what extent do learners benefit from indirect written corrective feedback? A study targeting learners of different proficiency and heritage language status. *Language Teaching Research*, 20 (6), 678-699.
- Frear, D. & Chiu, Y.H. (2015). The effect of focused and unfocused indirect written corrective feedback on EFL learners' accuracy in new pieces of writing. *System*, 53, 24-34.
- Fuente, M. J. (2016). Explicit corrective feedback and computer-based, form-focused instruction: The role of L1 in promoting awareness of L2 forms. In *A Psycholinguistic Approach to Technology and Language Learning*. Berlin: De Gruyter Mouton.
- Hamel, M. J., Slavkov, N., Inkpen, D., & Xiao, D. (2016). MyAnnotator: A tool for technology-mediated written corrective feedback. *TAL*, 57(3), 119-142. http://www.atala.org/sites/default/files/MyAnnotator_June_2017NS.pdf
- Heift, T & Hegelheimer, V. (2017). Computer-assisted corrective feedback. In *Corrective Feedback in Second Language Teaching and Learning*. New York: Routledge Taylor and Francis Group.

- Helen, B. (2013). Designing for active learning in technology-rich contexts. In *Rethinking Pedagogy for a Digital Age: Designing for 21st Century Learning*. United Kingdom: Routledge.
- Hosseini, Seyyed Behrooz (2012). Asynchronous computer-mediated corrective feedback and the correct use of prepositions: Is it really effective? *Turkish Online Journal of Distance Education*, 13 (4), 95-111.
- Kang, E., & Han, Z. (2015). The Efficacy of Written Corrective Feedback in Improving L2 Written Accuracy: A Meta-analysis. *Modern Language Journal*, 99(1), 1–18. <https://pdfs.semanticscholar.org/63bb/1c63c2adfc1e661c2e14866b0b87f13eee58.pdf>
- Karim, K. & Nassaji, H. (2020). The revision and transfer effects of direct and indirect comprehensive corrective feedback on ESL students' writing. *Language Teaching Research*, 24 (4).
- Laurel, W. & Mostafa, P. (2017). Motivation and feedback: How implicit theories of intelligence predict L2 writers' motivation and feedback orientation. *Journal of Second Language Writing*, 35, 54-65.
- Lee, A.H., & Lyster, R. (2017). Can corrective feedback on second language speech perception errors affect production accuracy. *Applied Psycholinguistics*, 38, 371-393.
- Mansourizadeh, K., Abdullah, K. I. (2014) The Effects of Oral and Written Metalinguistic Feedback on ESL Students Writing. 3L: *Language Linguistics Literature, Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 20(3), 117-126.
- Mohd Azrul Azlen Abd Hamid., Nuraihan Mat Daud., & Norshidrah Mat Daud. (2014). Developing Arabic Writing Skills : Peer Feedback in Online Forum Facility on Moodle. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 20, 52–57. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2014.20.lcl.208>